

KHUTBAH KHAS GERHANA MATAHARI

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsalan (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramlan (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



“KHUTBAH KHAS GERHANA MATAHARI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَى عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَى، أَشْهَدُ
أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تِقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَمِنْ ءَايَتِهِ الْلَّيلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ
وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا
لِلَّهِ الَّذِي خَلَقُوكُمْ إِن كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,

Di dalam ayat yang dibacakan sebentar tadi, jelas kepada kita bahawa malam dan siang itu adalah tanda atau bukti kekuasaan Allah yang tidak dapat ditandingi. Ia menjadi kemudahan bagi manusia untuk menyusun dan mengatur kehidupan mereka di muka bumi Allah ini. Demikian juga dengan



kejadian alam semesta dengan pelbagai fenomena yang berlaku di dalamnya adalah lambang kewujudan dan kekuasaan Allah Taala ke atas makhluk-Nya. Ayat ini juga menuntut agar kita patuh dan tunduk hanya kepada Allah Taala, bukan kepada makhluk ciptaan-Nya.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Gerhana matahari adalah satu daripada kejadian alam yang memperlihatkan kebijaksanaan Penciptanya dan menjadi iktibar kepada sekalian manusia. Gerhana itu ialah suatu perubahan, suatu kejadian, suatu keagungan dan kebesaran Tuhan yang berlaku pada matahari dan bulan, di mana kejadian ini adalah suatu perkara yang amat mudah bagi Allah Ta'ala melakukannya.

Gerhana matahari adalah suatu peristiwa yang menakjubkan kepada seluruh umat manusia kerana secara tiba-tiba matahari kehilangan cahayanya. Sesungguhnya gerhana matahari yang berlaku merupakan peringatan Allah SWT tentang hari Kiamat dan fenomena ini juga menunjukkan kekuasaan dan kebesaran-Nya ke atas alam ini. Firman Allah dalam surah al-Qiyamah ayat 7-9;

فَإِذَا بَرَقَ الْبَصَرُ وَجْمَعَ
 وَخَسَفَ الْقَمَرُ

الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ


“Maka (Jawabnya: hari kiamat akan datang) apabila pemandangan menjadi terpendar-pendar (kerana gerun takut), Dan bulan hilang cahayanya, Dan matahari serta bulan dihimpunkan bersama”.



Sidang hadirin sekalian,

Seringkali kita sebagai hamba Allah lupa akan kewajipan kita sebagai khalifah di muka bumi ini lantas membuat kesilapan dan kesalahan yang mengundang kemurkaan Allah Taala. Kita lalai melaksanakan suruhan dan perintah-perintah-Nya sehingga ada di antara kita yang leka dengan kemaksiatan dan kemungkaran dalam kehidupan sehari-hari. Tanpa kita sedar dosa dan kesalahan kita hari demi hari semakin bertambah dan bintik-bintik hitam semakin menghilangkan cahaya keimanan di hati kita ini. Usia kita semakin hampir menemui ajalnya, sedang kita belum lagi membuat persiapan dan persediaan yang sewajarnya dalam menghadapi hari tersebut.

Perkara-perkara itu perlulah menjadi tanda tanya kepada diri kita sekalian. Sejauh manakah persiapan dan bekalan yang telah kita siapkan dalam mengharungi perjalanan ke akhirat nanti? Sebanyak manakah ibadah yang telah kita laksanakan bagi menyucikan diri dan sanubari kita? Dan apakah usaha kita bagi memastikan keluarga dan masyarakat Islam sentiasa tunduk dan patuh kepada hukum-hukum Allah.

Hadis daripada Abu Bakrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya telah jelas cahaya matahari, maka Rasulullah SAW berkhutbah dihadapan orang ramai sambil memuji Allah SWT dan sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua daripada keagungan Allah, gerhana kedua-duanya berlaku bukan disebabkan mati atau hidup seseorang. Apabila kamu melihat terjadi gerhana matahari atau bulan, maka hendaklah kamu mendirikan solat sunat gerhana dan bersedekah serta memperbanyak mengingati Allah. Sabda Nabi SAW: “Wahai umat



Muhammad, jikalau kamu tahu apa yang aku tahu, nescaya kamu sedikit ketawa dan banyak menangis”.

Sidang hadirin yang dimuliakan,

Pada pagi yang berkat ini, sedarilah bahawa peristiwa gerhana mengingatkan kita kepada kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Malah gerhana juga adalah untuk memberikan peringatan kepada umat manusia agar takut dengan azab dan seksa Allah SWT. Justeru itu, marilah kita menginsafi diri kita dan mereka yang berada di bawah tanggungjawab kita, agar bertaubat kepada Allah Ta’ala dari segala kesalahan dan kesilapan serta menyesali segala kemungkaran dan kemaksiatan yang telah kita lakukan. Kita bertaubat kepada Allah Taala dengan taubat nasuha. Marilah kita bedoa kepada Allah agar kita semua, sama ada pemimpin mahupun yang dipimpin melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka, sekiranya ada yang lalai dan tersesat agar kembali ke pangkal jalan dan bertaubat kepada Allah.

Ini sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT melalui fiman-Nya dalam Surah Ali Imran ayat 133;

* وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرَضُهَا
السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa;”.



Antara hikmah dan pengajaran daripada khutbah ini adalah;

1. Umat Islam hendaklah menyedari dan meyakini akan kebesaran Allah Taala dan keagungannya yang berkuasa melakukan apa sahaja ke atas makhluk-Nya.
2. Umat Islam hendaklah menolak kepercayaan-kepercayaan khurafat yang dikaitkan dengan gerhana matahari atau bulan dengan apa-apa musibah yang berlaku kepada manusia.
3. Umat Islam hendaklah mengambil iktibar daripada berlakunya gerhana ini dengan meningkatkan keimanan serta kembali bertaubat dan mohon keampunan kepada Allah.
4. Umat Islam hendaklah memahami bahawa setiap apa yang berlaku itu mempunyai hikmah dan pengajarannya.
5. Umat Islam hendaklah meyakini dan menyedari bahawa Umat Islam pernah menguasai ilmu-ilmu astronomi yang boleh menjangka berlakunya setiap peristiwa gerhana dengan lebih awal.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا
خَلَقْتَ هَذَا بِطِلَّا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ





“(laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka”.

(Surah ali Imran : 191).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِيْ
وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالدِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُنَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ لَمْ يَأْمُنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَى عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ قَائِتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ
سَلَّاعُورَ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَّةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَّاعُورَ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ



بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبَلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engku redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

JAIS/Nurul

07.03.2016